


GST 2016 dijangka **RM39 bilion**

Jadi penyelamat sumbangan hasil ketika kejatuhan harga minyak meskipun dibantah pada peringkat awal



SUBROMANIAM

KUALA LUMPUR - Meskipun dibantah pada peringkat awal, pelaksanaan GST pada kadar enam peratus sejak 1 April, 2015, terbukti sangat berjaya.

Cukai yang diperkenal bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan, tidak diterima baik beberapa pihak, namun akhirnya, ia menjadi penyelamat kepada sumbangan hasil ketika berlaku kejatuhan harga minyak yang menjejaskan pendapatan kerajaan.

GST semakin diterima, semuanya hasil program penerangan yang dilakukan sejak setahun sebelum pelaksanaannya.

Pada 1 Disember 2015, jumlah syarikat berdaftar untuk GST dengan Jabatan Kastam 395,524, suatu petunjuk bahawa sektor perniagaan menerima dan yakin manfaat GST kepada mereka.

Timbalan Ketua Pengarah (Kastam dan GST) Kastam Diraja Malaysia, Datuk Subromaniam Tholasy berkata, beberapa faktor kejayaan termasuk pemasangan dan menaik taraf perisian perakaunan, mengkaji semula sistem dan proses perniagaan supaya mematuhi undang-undang GST.

"Kita lantik penasihat dan duta, program penerimaan selain memujuk orang ramai, yang dijalankan untuk melatih organisasi NGO kerajaan dan swasta.

"Kemajuannya baik dan tidak ada isu utama kecuali beberapa kelewatan dalam pembayaran balik pada awal pelaksanaan," katanya.

Beliau berkata, beberapa faktor kelewatan berlaku termasuk kesilapan mengisi borang pulangan, penyerahan penyata yang tidak teratur selain maklumat bank yang tidak lengkap.

Selain itu, sama ada syarikat tidak dapat dihubungi selepas tujuh hari dari tarikh surat dikeluarkan serta tiada atau tindak balas

yang lambat daripada permohonan terhadap pertanyaan oleh pegawai bayaran balik.

"Bagaimanapun, selepas lapan bulan pelaksanaannya, lebih daripada 70 peratus bayaran balik telah dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja. Kami akan terus menambah baik proses untuk memendekkan tempoh bayaran balik," katanya.

Beliau berkata, tahap pematuhan oleh perniagaan lebih daripada 90 peratus dari segi penyerahan pulangan GST-03, dengan baki sebahagian besarnya daripada sektor runcit yang menghadapi masalah ketiadaan sistem Titik Jualan (POS).

Subromaniam berkata, untuk kemudahan, setiap peruncit perlu menggunakan sistem POS walaupun GST Akta 2014 masih belum memberi mandat kepada perlunya sistem POS.

Kastam bagaimanapun sudah mencadangkan ia dijadikan mandatori untuk peruncit tertentu.

Dari segi pendapatan, seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Bajet 2016, Jabatan Kastam dijangka mengumpul RM27 bilion daripada GST tahun ini, yang menurut Subromaniam angka itu boleh dicapai.

Untuk 2016, kutipan GST dijangka RM39 bilion, dengan sumbangan terbesar dijangkakan daripada sektor runcit dan perkhidmatan seperti makanan dan minuman (F&B), perkhidmatan telekomunikasi, penyiaran, iklan dan perkhidmatan keselamatan, kata Subromaniam.

Sementara itu, pelaksanaan GST merupakan sebahagian pembaharuan program percukaian kerajaan bagi meningkatkan keupayaan, keberkesanan dan ketelusan pentadbiran dan pengurusan cukai. - *Bernama*